

SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI

1. Penyewa perlu menjelaskan bayaran sewa sebelum memulakan perniagaan seperti yang dinyatakan di atas dan sewa bulanan hendaklah dibayar pada atau sebelum 07 hari bulan bagi setiap bulan dalam tempoh penyewaan. Sebarang kelewatan dari tarikh yang dinyatakan, Pengurusan Perbadanan berhak menyita premis yang disewa.
2. Mendapatkan lesen perniagaan dari DBKL sebelum memulakan perniagaan.
3. Menandatangani perjanjian perniagaan selama setahun dengan Perbadanan Stadium Malaysia.
4. Penyewa tidak dibenarkan menyewakan premis berkenaan kepada pihak ketiga. Pengurusan Perbadanan ini akan membatalkan permohonan berkenaan dan menyenarai hitam nama penyewa berkenaan pada masa akan datang jika di kenal pasti perkara ini berlaku.
5. Meletakkan tanda harga bagi setiap barang / makanan yang dijual.
6. Sentiasa menjaga kualiti barang / makanan yang dijual supaya dalam keadaan baik dan mengikut segala piawai dan peraturan yang digariskan oleh pihak berkuasa berkaitan.
7. Memastikan bahawa makanan serta produk yang dijual adalah halal sepenuhnya.
8. Lokasi perniagaan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
9. Membuang sampah sarap ke dalam bekas-bekas yang disediakan. Perbadanan boleh mengarahkan penyewa menyediakan bekas-bekas membuang sampah sendiri.
10. Bertanggungjawab menanggung segala perbelanjaan membaiki atau mengganti kerosakan atau kehilangan pagar, tembok, parit, longkang, cermin, tingkap, pintu, lampu dan kunci. Lekatan-lekatan atau mana-mana bahagian premis tersebut akibat perbuatan sengaja atau kecuaiannya penyewa, ahli keluarga atau tetamunya.
11. Tidak membuat sebarang ubahsuai atau tambahan kepada premis tersebut ataupun kepada mana-mana pemasangan sementara atau kekal tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Perbadanan.
12. Tidak membenarkan premis tersebut atau mana-mana kawasan premis tersebut digunakan sebagai tempat tinggal, penginapan atau tidur.
13. Sekiranya pekerja terdiri daripada warga asing, penyewa perlu bertanggungjawab menyediakan permit dan membuat pemeriksaan kesihatan bagi setiap pekerja masing-masing.
14. Menjalankan perniagaan di dalam premis yang ditetapkan sahaja dan tidak dibenarkan meluaskan kawasan premis kawasan tersebut.
15. Penyewa **TIDAK DIBENARKAN** meletakkan apa-apa jua benda di kaki lima, di lorong, di tangga atau dengan di mana-mana tempat yang disediakan untuk kegunaan sendiri atau bersama dengan penyewa-penyewa lain.
16. Penyewa **TIDAK DIBENARKAN** menyimpan atau membenarkan di simpan sebarang benda atau bahan-bahan yang mudah terbakar atau mendatangkan bahaya terhadap keselamatan penyewa-penyewa atau pengguna-pengguna lain keseluruhannya.
17. Penyewa **TIDAK DIBENARKAN** menampal poster atau apa-apa sahaja objek bergambar di dinding bangunan kecuali mendapat kebenaran dari Perbadanan.
18. Penyewa **TIDAK DIBENARKAN** membuat sistem pendawaian elektrik tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Perbadanan.
19. Perbadanan berhak dengan sendirinya atau menerusi wakil-wakil memasuki premis tersebut memasuki premis tersebut untuk maksud melakukan pemeriksaan am, membanci, memeriksa kerosakan, keadaan dan kebersihan premis tersebut, menjalankan kerja-kerja membaikinya dan lain-lain urusan pada bila-bila masa.
20. Sentiasa patuh dengan sebarang arahan rasmi oleh perbadanan dan sentiasa mematuhi semua syarat-syarat perjanjian ini serta memastikan supaya di patuhi juga oleh pekerja-pekerjanya. Perbadanan berhak membatalkan perjanjian perniagaan jika penyewa gagal mematuhi arahan yang telah ditetapkan.
21. Mengembalikan Premis tersebut kepada Perbadanan dalam keadaan baik, bersih dan secara aman.